



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020

Tahfiz Al-Quran (932)



KANDUNGAN

Tahfiz Al-Quran (932/1)	1 – 3
Tahfiz Al-Quran (932/2)	5 – 7
Tahfiz Al-Quran (932/3)	9 – 11

TAHFIZ AL-QURAN (932/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1, sebanyak 70 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 91.42% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	25.71	11.43	15.71	7.14	12.86	7.14	11.43	4.29	0.00	1.43	2.86

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu kertas soalan adalah baik. Kebanyakan soalan adalah jelas dan mudah seperti difahami oleh calon. Namun begitu, terdapat beberapa soalan berada pada aras yang agak sukar seperti soalan bahagian A, iaitu bagi soalan 3 dan 4. Manakala bahagian B pula, bagi soalan 7(b) kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan tepat. Selain itu, soalan adalah sesuai dan kehendak soalan dapat difahami dengan jelas oleh calon. Tiada sebarang masalah pada arahan dan ejaan. Pengagihan markah juga pada semua soalan adalah sesuai dan munasabah. Terdapat pelbagai aras kesukaran yang digunakan dalam soalan yang dikemukakan sama ada soalan-soalan yang terdapat dalam bahagian A atau bahagian B. Pembinaan soalan adalah berasaskan kepada tiga aras iaitu mudah, pertengahan dan sukar. Kesemua soalan yang dibina adalah menepati ketiga-tiga aras berkenaan. Bahasa dan istilah yang digunakan adalah sesuai dan dapat difahami oleh calon. Tiada penggunaan bahasa dan istilah yang mengelirukan. Jika ada sekalipun sewajarnya calon mengetahuinya kerana ia merupakan pengistilahan yang asas dalam pembelajaran ilmu *qiraat*. Bagi perkataan yang berasal dari bahasa Arab, tulisan telah dicondongkan untuk membezakan dengan perkataan lain dan kaedah terbitan bagi kaedah fiqh, tulisan jawi telah digunakan. Walaupun begitu, terdapat soalan berkaitan pengistilahan ilmu *qiraat* berkenaan, rata-rata calon kurang memahami makna pengistilahan berkenaan kerana kebanyakan mereka memberikan pengertian yang seolah-olah direka-reka dan menyebabkan mereka tidak mendapat markah yang tinggi.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Hifz al-Quran*

Soalan 1

Soalan ini meminta calon untuk menyambung ayat yang berada di permulaan halaman dan awal *maqra'*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan sempurna. Terdapat sebahagian calon yang agak keliru dan menyambung dengan ayat yang lain. Terdapat juga sebilangan calon yang tidak mampu menyambung ayat berkenaan.

Soalan 2

Soalan ini meminta calon untuk menyambung ayat di permulaan halaman tetapi bukan awal *maqra'*. Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik. Terdapat juga calon yang hanya menjawab satu soalan sahaja daripada dua soalan yang ada pada bahagian ini.

Soalan 3

Soalan ini meminta calon untuk menulis satu ayat sebelum dan selepas sesuatu ayat tertentu, serta menamakan surah. Rata-rata calon tidak memilih untuk menjawab soalan ini kerana aras soalan ini berada pada aras sukar. Penguasaan calon dalam hafazan berada pada tahap minima walaupun soalan sebeginilah yang sebenarnya dapat membezakan sama ada calon mengingati al-Quran dengan baik atau sebaliknya.

Soalan 4

Soalan ini meminta calon untuk menyambung ayat di pertengahan tanpa menyatakan ayat terlebih dahulu. Sebahagian besar calon yang memilih soalan berkenaan tidak dapat menjawabnya dengan sempurna. Soalan ini sememangnya berada pada tahap yang sukar. Namun bagi calon yang memilih soalan berkenaan, mereka tidak dapat menyambung dengan baik. Secara keseluruhannya, soalan 3 dan soalan 4 ini dikategorikan sebagai aras sukar.

BAHAGIAN B: *Maharat al-Qiraat*

Soalan 5

Hampir semua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Semua soalan menepati arasnya dan pemarkahan yang diberikan pada setiap pecahan soalan. Hanya segelintir calon sahaja yang keliru dalam menghuraikan perbezaan *khilaf* yang kedua bagi perawi Imam Hamzah.

Bagi soalan 5(a), kebanyakan calon mampu menyatakan dua *qurra'* yang membaca dengan *silah mim jama'* dengan tepat.

Bagi soalan 5(b), terdapat dalam kalangan calon memahami kehendak soalan namun tidak mahir dalam menterjemahkan kefahaman mereka. Terdapat juga calon yang keliru mengenai perbezaan *khilaf* bacaan antara kedua-duanya. Soalan berkenaan memang berada pada aras yang sesuai, dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping dapat membezakan perbezaan bacaan antara kedua-duanya.

Soalan 5(c), kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik. Namun dari aspek pemarkahan, soalan (c) sepatutnya meminta calon untuk menerangkan empat cara bacaan bagi Imam Abu Ja'far kerana markah yang diperuntukkan ialah 4 markah. Soalan ini hanya berada pada aras pengetahuan.

Soalan 6

Bagi soalan 6(a), sebahagian besar calon mampu menyatakan tiga *qurra'* yang membaca *Imalah Kubra* dengan tepat.

Soalan 6(b), terdapat dalam kalangan calon keliru untuk menyatakan tiga *khilaf* yang terdapat pada kalimah berkenaan dalam kalangan *qurra'* '*asyarah*'. Soalan berkenaan berada pada aras pertengahan dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari.

Soalan 6(c), kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan tepat. Namun dari aspek pemarkahan, soalan (c) sepatutnya meminta calon untuk menerangkan empat *manhaj* bacaan bagi Imam Ibnu Kathir kerana markah yang diperuntukkan. Soalan ini hanya berada pada aras pengetahuan.

Soalan 7

Secara keseluruhannya, kebanyakan calon tidak mampu menjawab soalan ini dengan baik terutamanya soalan (a). Sebahagian besar calon tidak mampu memberikan jawapan yang tepat berkaitan pengertian kedua-dua pengistilahan berkenaan. Calon lebih suka menterjemahkan pengistilahan berkenaan berdasarkan kefahaman mereka. Bahkan sepatutnya calon wajar menghafaz dengan baik bagi menjawab soalan ini. Dari aspek pemarkahan bagi setiap soalan pula, ia adalah bertepatan dengan aras dan kehendak soalan berkenaan.

Bagi soalan 7(a), sebahagian besar calon tidak mampu memberikan pengertian yang tepat mengenai *ibdal*, *tashil* dan juga contoh sepertimana yang dikehendaki oleh soalan. Calon memberikan pengertian berdasarkan pemahaman sendiri yang sememangnya tidak tepat sebagaimana yang sepatutnya. Pengertian berkaitan pengistilahan wajar dihafaz dan bukan direka. Sebenarnya soalan ini berada dalam kategori yang mudah jika calon mengingati pentakrifan dengan baik.

Soalan 7(b), ia mempunyai pecahan kepada dua soalan berbeza iaitu soalan (i) dan (ii). Namun begitu kebanyakan calon mendapat skor markah yang tinggi dalam kedua-dua soalan ini walaupun ia kelihatan agak sukar. Soalan yang dikemukakan ini berada pada aras yang sesuai dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping dapat membezakan bacaan yang terdapat dalam kalangan *qurra* 'asyarah terhadap kalimah khusus yang ditentukan.

Soalan 8

Kelihatan peruntukan markah untuk soalan ini agak banyak jika dinisbahkan dengan soalan yang diberikan berdasarkan arasnya. Secara keseluruhannya, calon mampu menjawab dengan baik soalan yang dikemukakan ini.

Bagi soalan 8(a), walaupun soalan ini dilihat amat mudah dan markahnya agak besar namun sebenarnya ia juga menduga minda kerana banyak fakta berkaitan para imam yang perlu diingati. Sebab itu terdapat calon yang tidak mampu menjawab soalan ini dengan baik. Hanya calon yang betul-betul yakin dengan hafazan mereka sahaja yang dapat skor markah pada soalan ini. Sebahagian mereka masih keliru dengan fakta yang terdapat dalam kalangan Imam ini dan ada di kalangan calon tidak mengingati biodata mereka.

Soalan 8(b), walaupun dilihat agak sukar namun kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik dan tepat. Ini mungkin kerana soalan ini telah menyediakan ayat yang sememangnya terdapat bacaan *naqal* di dalamnya. Ini secara tidak langsung dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping dapat mengenal bacaan *naqal* bagi riwayat Warsy. Dari aspek pemarkahan pula, ia dilihat munasabah dengan kehendak soalan yang dikemukakan dan bersesuaian dengan aras soalan berkenaan.

TAHFIZ AL-QURAN (932/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2, sebanyak 69 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 89.85% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.74	7.25	10.14	13.04	14.49	5.80	17.39	1.45	0.00	0.00	8.70

RESPONS CALON

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu kertas soalan adalah baik. Kebanyakan soalan adalah jelas dan mudah difahami oleh calon. Namun begitu, terdapat beberapa soalan berada pada aras yang agak sukar seperti soalan bahagian A, iaitu bagi soalan 2, 3 dan 4. Pada bahagian B pula, bagi soalan 5 dan 6. Manakala bahagian C iaitu soalan 9 kerana kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan tepat. Lain-lain soalan adalah sesuai dan kehendak soalan dapat difahami dengan jelas oleh calon.

Pada bahagian A, kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik walaupun soalan yang diberikan itu berada pada aras rendah dari aspek awal *maqra'*, awal surah dan awal muka surat. Namun pada soalan satu sebahagian besar calon mampu menjawab dengan baik. Secara keseluruhannya, jawapan yang diberikan oleh calon tidak mencapai tahap yang diharapkan. Majoriti mereka tidak dapat menjawab dengan baik dalam bahagian ini.

Pada bahagian B, kebanyakan calon dapat menjawab soalan 7 dengan baik. Ini kerana skor markah majoriti mereka adalah tinggi dalam bahagian ini. Tetapi bagi soalan 5 dan 6, calon tidak mampu menjawab dengan baik disebabkan skor markah majoriti mereka adalah rendah dalam bahagian ini.

Pada bahagian C pula, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan 9 dengan baik. Ini kerana skor markah bagi majoriti calon adalah rendah dalam bahagian ini. Tetapi bagi soalan 8 dan 10, calon mampu menjawab dengan baik disebabkan skor markah majoriti mereka adalah tinggi dalam bahagian ini. Kesimpulannya, pencapaian keseluruhan menunjukkan kebanyakan calon berada pada tahap markah yang sederhana.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Hifz al-Quran*

Soalan 1

Soalan 1(a), kebanyakan calon mampu mengemukakan jawapan yang baik. Soalan 1(b) terdapat calon yang tidak dapat menjawab dengan sempurna kerana jawapan berada di awal halaman seterusnya. Walaupun kedudukan ayat masih di awal juzuk enam tetapi disebabkan kedudukan ayat berada di baris terakhir dalam halaman muka surat menyebabkan calon agak sukar untuk menjawabnya.

Soalan 2

Kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan jawapan dengan baik bagi kedua-dua soalan, walaupun soalan (a) berada di awal *maqra'* dan soalan (b) di awal muka surat. Terdapat juga calon yang hanya menjawab satu soalan sahaja daripada dua soalan yang ada pada bahagian ini.

Soalan 3

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan (a) awal surah dengan baik tetapi kebanyakan calon tidak dapat menjawab dengan baik bagi soalan (b). Malahan ada juga calon hanya menjawab soalan (a) dan tidak menjawab soalan (b) ini.

Soalan 4

Kebanyakan calon tidak memilih untuk menjawab soalan ini kerana aras soalan ini berada pada aras sukar, walaupun soalan (a) berada di awal *maqra'*, tetapi soalan (b) berada di akhir halaman muka surat. Ini menunjukkan penguasaan calon dalam hafazan masih berada pada tahap sederhana kerana kedudukan ayat ini berada pada juzuk 19 dalam sukatan hafazan. Sewajarnya calon yang berkemampuan menjawab dengan baik untuk membuktikan tahap penguasaan calon berada di tahap tinggi dalam bidang pengkhususan tahfiz. Sebahagian besar calon yang memilih soalan berkenaan tidak dapat menjawab dengan sempurna. Keberadaan soalan ini sememangnya berada pada tahap yang sukar. Namun bagi calon yang memilih soalan berkenaan, mereka tidak dapat menyambung dengan baik. Secara keseluruhannya, soalan dua dan empat ini dikategorikan sebagai aras sukar.

BAHAGIAN B: *Maharat al-Rasm*

Soalan 5

Bagi soalan 5(a), kebanyakan calon mampu menyatakan maksud *al-Rasm al-Uthmani* tetapi bukan mengikut fakta yang tepat.

Soalan 5(b), terdapat dalam kalangan calon memahami kehendak soalan namun tidak mahir dalam membezakan jawapan mengikut kefahaman mereka. Terdapat juga calon yang keliru mengenai perbezaan antara kedua-duanya. Soalan berkenaan memang berada pada aras yang sesuai, dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping dapat membezakan perbezaan antara kedua-duanya. Soalan ini hanya berada pada aras kefahaman.

Soalan 6

Bagi soalan 6(a), sebahagian besar calon kurang mahir dengan kaedah penulisan *al-Rasm al-Uthmani* untuk dinyatakan pada kalimah-kalimah berikut dengan tepat.

Soalan 6(b), terdapat di kalangan calon keliru untuk membincangkan dua kesan negatif sekiranya *al-Rasm al-Imlai* digunakan. Soalan berkenaan berada pada aras sederhana dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari.

Soalan 7

Bagi soalan 7(a), sebahagian besar calon mampu memberikan pengertian yang tepat mengenai *al-Ziyadah* dan *al-Fasl wa al-Wasl* dan juga contoh sepertimana yang dikehendaki oleh soalan. Masing-masing memberikan pengertian berdasarkan pemahaman sendiri yang sememangnya kurang tepat sebagaimana yang sepatutnya. Pengertian berkaitan pengistilahan wajar dihafaz. Sebenarnya soalan ini berada dalam kategori pengetahuan dan aras mudah.

Soalan 7(b), kebanyakan calon mampu menjawab dengan baik. Soalan yang dikemukakan memang berada pada aras yang sesuai dan ia dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping calon mengetahui strategi menjawab soalan berbentuk perbincangan dengan memasukkan kesimpulan.

BAHAGIAN C: *Dhabt al-Quran dan al-Fawasil*

Soalan 8

Bagi soalan 8(a), walaupun soalan ini dilihat amat mudah, namun sebenarnya ia juga menduga ingatan kerana banyak fakta berkaitan biodata yang perlu diingati dan tidak boleh direka. Sebahagian besar calon mampu menjawab dengan baik.

Soalan 8(b), walaupun dilihat agak sukar namun kebanyakan calon dapat menjawabnya dengan baik dan tepat. Ini secara tidak langsung dapat menguji tahap kefahaman calon terhadap apa yang dipelajari di samping dapat mengenal perbezaan. Dari aspek pemarkahan pula, ia dilihat munasabah dengan kehendak soalan yang dikemukakan dan bersesuaian dengan aras soalan berkenaan.

Soalan 9

Soalan 9(a) kebanyakan calon mampu menjawab dengan baik disebabkan soalan berada di aras mudah dan masih di peringkat permulaan.

Bagi soalan 9(b) kebanyakan calon tidak mampu menjawab dengan tepat disebabkan kekeliruan dengan peringkat permulaan dalam peletakan tanda.

Bagi soalan 9(c), kebanyakan calon tidak mampu menjawab dengan baik disebabkan kurang mahir dan keliru terhadap faktor peletakan antara *nuqat al-I'rab* dan *nuqat al-I'jam*.

Soalan 10

Bagi soalan 10(a) kebanyakan calon mampu menjawab dengan baik disebabkan soalan berada pada aras pengetahuan.

Soalan 10(b) walaupun soalan berada pada aras sukar, namun hampir sebahagian calon mampu menjawabnya tetapi mengikut kefahaman mereka sahaja.

TAHFIZ AL-QURAN (932/3)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 3, sebanyak 69 orang calon telah menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 92.76% daripadanya telah lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.54	15.94	7.25	11.59	18.84	2.90	8.70	0.00	0.00	1.45	5.80

RESPONS CALON

Komen am

Secara umumnya soalan adalah baik. Meliputi ketiga-tiga aras iaitu mudah, pertengahan dan sukar. Soalan juga mempunyai beberapa pilihan jawapan dan semua sembilan soalan dipilih oleh calon untuk menjawab, menunjukkan bahawa calon mempunyai asas pengetahuan mengenai tajuk bagi soalan-soalan tersebut.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: *Hifz al-Quran*

Soalan 1

Soalan ini meminta calon untuk menyempurnakan ayat 20 hingga ayat 22 surah Muhammad. Soalan ini dikira sebagai aras mudah. Namun begitu, tidak ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini kerana soalan ini mempunyai risiko calon akan kehilangan 10 markah jika salah menjawab. Calon yang hafaz dengan lancar soalan ini mampu mendapat markah penuh dan calon yang kurang mantap hafazannya berisiko mendapat markah yang rendah. Minoriti calon mendapat markah tertinggi iaitu 10 markah. Yang lain-lain ada yang mendapat 0 hingga 4 markah dan ada yang mendapat markah sederhana iaitu 5 hingga 7 markah.

Soalan 2

Soalan 2(a) berada pada aras sukar, soalan 2(b) berada pada aras sederhana dan soalan 2(c) berada pada aras mudah. Majoriti calon memilih untuk menjawab soalan ini. Soalan ini boleh dianggap sebagai soalan popular. Ini kerana soalan ini mempunyai beberapa pilihan dan kurang risiko jika salah menjawab. Seperti lazimnya, calon yang dapat menghafaz dengan lancar akan mendapat markah penuh dan calon yang kurang mantap hafazannya berisiko mendapat markah yang rendah. Ramai calon skor pada soalan 2(c) iaitu awal surah al-Rahman kerana ianya adalah termasuk surah pilihan dan sering dibaca oleh imam di masjid. Meskipun soalan ini dianggap popular tetapi pencapaian markah calon menunjukkan sebaliknya di mana ramai yang mendapat 2 hingga 4 markah, iaitu rendah. Hanya beberapa calon sahaja mencapai 8 hingga 10 markah. Segelintir calon mendapat markah sederhana iaitu 5 hingga 7 markah.

Soalan 3

Soalan ini berada pada aras sukar. Ini kerana soalan potongan ayat terakhir dan masuk halaman baru. Walaupun jawapannya adalah mudah iaitu berada pada baris pertama dan awal halaman baru, namun tidak ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini. Ini kerana soalan ini seperti soalan 1 yang mempunyai risiko calon akan kehilangan 10 markah jika salah menjawab. Calon yang hafaz dengan lancar soalan ini mampu mendapat markah penuh dan calon yang kurang mantap hafazannya berisiko mendapat markah yang rendah. Sejumlah kecil calon mendapat 8 hingga 10 markah. Yang lain-lain kebanyakannya mendapat markah rendah iaitu 0 hingga 4 markah dan markah sederhana iaitu 5 hingga 7 markah.

Soalan 4

Soalan 4(a) berada pada aras mudah dan soalan 4(b) berada pada aras sukar. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan ini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan 4(a) iaitu awal surah dengan nilai 4 markah dan kehilangan markah pada soalan 4(b) yang mempunyai nilai 6 markah. Calon yang hafaz dengan lancar soalan ini mampu mendapat markah penuh dan calon yang kurang mantap hafazannya berisiko mendapat markah yang rendah iaitu 0 hingga 4 markah. Ada beberapa calon mendapat markah tertinggi iaitu 8 hingga 10 markah tetapi kebanyakan mereka mendapat 0 hingga 4 markah sahaja dan beberapa yang lain mendapat 5 hingga 7 markah.

BAHAGIAN B: *Ulum al-Quran*

Soalan 5

Soalan berada pada aras sederhana dan jawapan dalam bentuk esei dan mempunyai fakta. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan ini. Soalan 5(a) adalah sirah dan berbentuk penceritaan dan soalan 5(b) berbentuk fakta. Kebanyakan calon mampu menjawab semua soalan dengan baik. Calon yang hafaz dengan lancar mampu mendapat markah penuh dan calon yang kurang mantap hafazannya berisiko mendapat markah yang rendah. Markah tertinggi yang berjaya dicapai oleh calon ialah 8 hingga 10 markah, markah terendah ialah 1 hingga 4 markah, sementara markah sederhana ialah 6 hingga 7 markah.

Soalan 6

Soalan 6(a) dan 6(b) berbentuk fakta. Tidak ramai calon memilih untuk menjawab soalan ini. Di kalangan calon yang menjawab, kebanyakan calon skor markah hanya pada soalan 6(a) dengan nilai 4 markah. Sementara ramai calon tidak dapat menjawab dengan tepat pada setiap pecahan soalan 6(b) i, ii dan iii berkenaan latar belakang *asbab nuzul* ayat yang mempunyai nilai 6 markah. Ada calon yang mendapat markah rendah iaitu 0 hingga 4 markah, ada calon yang mendapat markah sederhana iaitu 5 hingga 7 markah, dan tiada calon yang mendapat markah tertinggi iaitu 8 hingga 10 markah.

Soalan 7

Soalan 7(a) dan 7(b) berbentuk fakta. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan ini. Namun begitu, kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan 7(a) dengan tepat dengan nilai 4 markah. Kebanyakan calon skor pada soalan 7(b) dengan nilai 6 markah. Namun begitu, sebahagian calon berkemungkinan tidak peka dan terkeliru dengan soalan 7(b) yang menghendaki jawapan hendaklah daripada surah yang berbeza dan mempunyai nilai 6 markah. Selain itu, kemungkinan faktor calon tidak menguasai hafazan al-Quran dengan baik juga menyumbang kepada kegagalan mendatangkan ayat ini daripada surah yang berbeza. Sebahagian besar calon mendapat markah rendah iaitu 1 hingga 4 markah, ada yang mendapat markah sederhana iaitu 5 hingga 6 markah, dan tiada calon mendapat markah tertinggi iaitu 8 hingga 10 markah.

Soalan 8

Soalan 8(a) dan 8(b) berbentuk fakta dan kategori aras sukar. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan ini dan mereka dapat menjawab soalan 8(a) dan 8(b) dengan tepat, malah ramai calon menguasai tajuk ini dengan baik. Selain itu, faktor soalan mempunyai banyak pilihan jawapan juga membantu calon untuk mendapat markah penuh meskipun soalan ini adalah pada aras sukar. Meskipun begitu ada calon mendapat markah rendah iaitu 2 hingga 4 markah, mendapat markah sederhana iaitu 6 markah, tetapi kebanyakannya mendapat markah tinggi iaitu 8 hingga 10 markah.

Soalan 9

Soalan 9(a) berada pada aras mudah dan 9(b) berada pada aras sukar dan kedua soalan ini berbentuk fakta. Kebanyakan calon memilih untuk menjawab soalan ini. Calon dapat menjawab soalan 9(a) dan 9(b) dengan tepat dan kebanyakan calon menguasai tajuk ini dengan baik. Selain itu, faktor soalan mempunyai banyak pilihan jawapan juga membantu calon untuk mendapat markah penuh. Meskipun begitu, ada juga calon yang mendapat markah rendah iaitu 2 markah, markah sederhana iaitu 6 hingga 7 markah, tetapi majoriti calon mendapat markah tinggi iaitu 8 hingga 10 markah.

LAPORAN PEPERIKSAAN STPM & MUET 2020



SASBADI SDN. BHD. 198501006847

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad 201201038178)

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: www.sasbadisb.com E-mel: enquiry@sasbadi.com



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

Laman web: www.mpm.edu.my E-mel: ppa@mpm.edu.my